Biodata Diri

Pertandingan Buku Skrap Citra Bahasa 2020



Nik Hazeeq Mirza Bin Nik Mohd Hanafi, 16.

KOLEJ YAYASAN SAAD MELAKA

Dilahirkan pada 8 Mac 2004 di Kelana Jaya, saya tinggal di Bandar Tasik Puteri, Rawang. Saya menerima pendidikan menengah di Kolej Yayasan Saad sejak tahun 2017. Setelah mendapat 9A dalam ujian Pentaksiran Tingkatan 3, saya menyertai aliran Sains Tulen di Tingkatan 4. Saya meminati sukan olahraga dan juga merupakan seorang pemain *cello* dalam pasukan orkestra KYS. Sebagai editor majalah sekolah, saya juga meminati bidang penulisan, gemar membaca serta mencintai bahasa saya, bahasa Melayu.

Tempat Kelahiran dan Tempat Tinggal
Rawang, Selangor

Pendidikan
2011-2016: SK Tasik Puteri 2, Rawang
2017-kini: Kolej Yayasan Saad Melaka



Keluarga
6 ahli keluarga.

Ibu dan bapa serta 4 orang adik-beradik.

1 SUBJEK KEGEMARAN

Matematik Tambahan
Kimia
Prinsip Perakaunan

2 HOBI

Membaca
Menulis
Bermain Muzik

3 CITA-CITA

Doktor pakar bedah yang berjaya.

Segmen Citra Bahasa: Esei

Bahasa Melayu hebat kerana bahasa inilah antara bahasa yang mudah dipelajari oleh penutur bahasa asing. Hal ini telah disahkan oleh beberapa pengkaji bahasa . Oleh kerana hal yang demikian, bahasa indah ini pernah menjadi *Lingua Franca* di seantero nusantara pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Kini, bahasa Melayu digunakan secara meluas. Menurut Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu diiktiraf sebagai satu-satunya bahasa kebangsaan tanah air. Bahasa Melayu digunakan dalam ucap-ucap rasmi seperti di Dewan Parlimen.


Malahan, bahasa Melayu turut digunakan oleh marhaen dengan keunikan loghat-loghat di setiap negeri sebagai medium pertuturan harian sejak zaman-berzaman.

Dari segi penulisan, bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa di dunia yang ditulis dengan dua sistem penulisan, iaitu penulisan rumi dan sistem tulisan jawi.



Pada pendapat saya, bahasa Melayu saya hormati kerana ianya amatlah puitis dan sempurna penggunaannya. Buktinya dilihat dalam keindahan karya-karya sastera Melayu yang telah dikarang oleh cendekiawan Melayu sejak abad ke-7 lagi.

“Bahasa Melayu diiktiraf sebagai satu-satunya bahasa kebangsaan tanah air”



Segmen Citra Bahasa: Kreatif

Saya telah menulis sebuah sajak bertemakan
“Bahasa Jiwa Bangsa”

Batu Permata Daripada Bonda

Boooom!
Lari, lari, larikan diri!,
Berteduhlah, selamatkanlah permata ini,
Dakapkan ia rapat ke dada,
Jaganya sebaik-baik rohmu sendiri,
Sesungguhnya inilah sebutir jauhari,
ku namakan Bahasa.

Itulah pesan terakhir Bonda,
Saat bangsa dirundung ketagihan,
Saat budaya sekular merobek badan,
Saat binasa jati diri dan pendirian,
Dihentam ribut jajahan pemikiran oleh si asing,
Bonda beri padaku permata jauhari ini,
Sebagai wasiat terakhir,
Aku teruskan perjuangan Bonda.

Bangsa pun punah porak-peranda,
Agung sekali tusukan jajahan minda,
Dalam diam bangsa berpecah-belah,
Bertikam lidah sesama sendiri,
Menjadi musuh dalam selimut,
Kendatipun bangsaku hampir jatuh,
Jiwanya masih kukuh,
Tiangnya masih ku pegang utuh,
Batu berlian Bondaku,
Aku serahkan pada negara bangsa,
Bangkitlah kembali bangsaku bersatu,
Bahasa ibundaku jiwa bangsaku.

Sebagai wasiat terakhir,
Aku teruskan perjuangan Bonda.



Nik Hazeeq Mirza Bin Nik Mohd Hanafi, 2020

Segmen Citra Bahasa: Inovasi

Satu kaedah yang boleh diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia.

Antara cara yang mudah untuk mempromosikan bahasa kebanggaan kita ini adalah dengan melalui industri hiburan. Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah menjadikan bahasa Melayu terkenal secara umum diseluruh dunia. Perkara ini boleh dicapai dengan cara berikut: DBP digalakkan membuat kolaborasi dengan syarikat filem tanah air untuk menghasilkan sebuah filem berkualiti blockbuster yang ditayangkan di seluruh dunia dan menjadi sensasi hangat. Buktinya, dengan pemasyhuran filem Parasite dari Korea Selatan, penonton daripada seluruh dunia cuba mempelajari bahasa Korea.

Sekiranya bahasa Melayu menjadi terkenal secara global, Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk kembali memegang kedudukannya sebagai *lingua franca* pada suatu masa dahulu.



Membaca jambatan ilmu. Ungkapan ini sering kita dengari di mana-mana sahaja. Sebagai sebuah institusi, Perpustakaan Sultan Ismail dicadangkan agar mengamalkan sistem merit bagi setiap peminjaman buku bagi ahli kelab perpustakaan. Setelah mencapai tahap merit yang tertentu, ahli-ahli berpeluang memperoleh hadiah-hadiah yang menarik. Selain memberikan kotivasi kepada masyarakat untuk mengunjungi perpustakaan, sistem ini juga menggalakkan masyarakat untuk mendalami bait-bait kata yang ingin disampaikan melalui buku-buku yang dibaca oleh pengunjung perpustakaan. Oleh itu, masyarakat akan menjadi lebih berminat untuk mengisi ruangan minda mereka dengan perkara yang lebih bermanfaat.

Satu sistem yang boleh digunakan oleh Perpustakaan Sultan Ismail (PSI) di Johor Bahru, untuk meningkatkan minat membaca buku dalam kalangan masyarakat di negara ini.

